

22/03/2001

Majlis angkat sumpah KM, Kabinet Sabah Selasa

KOTA KINABALU, Rabu - Majlis angkat sumpah Ketua Menteri serta anggota Kabinet kerajaan Sabah yang baru, akan diadakan Selasa depan dalam dua majlis berasingan.

Istana Negeri hari ini mengedarkan dua kad jemputan kepada pemimpin negeri serta beberapa orang kenamaan untuk menghadirinya.

Majlis angkat sumpah Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Chong Kah Kiat, sebagai Ketua Menteri bermula jam 9.40 pagi manakala anggota Kabinet kerajaan negeri dilakukan sebelah petang bermula jam 2.40 petang. Kedua-dua majlis berkenaan diadakan di Istana Negeri, di sini.

Kad jemputan berkenaan diedarkan atas nama Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Negeri mengikut perintah Yang di-Pertuan Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai dan isteri, Toh Puan Siti Rukaiyah Panglima Abdullah.

Minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan pelantikan Chong sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru menggantikan Datuk Osu Sukam, mengikut sistem penggiliran jawatan.

Sistem penggiliran Ketua Menteri mengikut kuota pemimpin Bumiputera Islam, Bumiputera Bukan Islam dan Cina, diperkenalkan kerajaan Barisan Nasional (BN) selepas mengambil alih teraju pemerintahan kerajaan Sabah pada 1994.

Selepas diumumkan sebagai Ketua Menteri Jumaat lalu, Chong menyebut akan melakukan beberapa perubahan dalam Kabinet kerajaan negeri.

Berikutan itu, beberapa spekulasi dibuat berhubung perubahan berkenaan, antaranya yang dianggap paling drastik ialah kemungkinan jawatan Timbalan Ketua Menteri dikurangkan daripada tiga yang ada sekarang kepada hanya seorang saja, bergantung kepada persetujuan pemimpin parti komponen BN yang lain.

Jawatan tiga Timbalan Ketua Menteri bagi mewakili Bumiputera Islam, Bumiputera Bukan Islam dan Cina diperkenalkan oleh kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) pada 1985 selepas menumbangkan kerajaan Berjaya pimpinan Datuk Harris Salleh.

Ketika pemerintahan kerajaan Usno dan Berjaya, Sabah hanya mempunyai seorang Timbalan Ketua Menteri.

Chong yang akan menjadi Ketua Menteri Sabah ke-13, adalah pemimpin Cina ketiga menyandang jawatan itu.

(END)